

Bil. S 17

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN), 2021

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
2. Pindaan bab 1 dari S 17/2013
3. Pindaan bab 2
4. Pindaan bab 3
5. Pindaan bab 56
6. Peruntukan perkecualian dan peralihan

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN), 2021

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Mulia Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (Pindaan), 2021.

Pindaan bab 1 dari S 17/2013

2. Bab 1 dari Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda —

(a) dalam ceraian (1), dengan memotong “Autoriti Monetari Brunei Darussalam” dan menggantikannya dengan “Bank Sentral Brunei Darussalam”;

(b) dalam ceraian (2), dengan memotong “Autoriti Monetari Brunei Darussalam untuk bertindak sebagai bank pusat Negara Brunei Darussalam,” dari baris kedua dan tiga dan menggantikannya dengan “Bank Sentral Brunei Darussalam”.

Pindaan bab 2

3. Pindaan bab 2 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam takrifan “Autoriti”, dengan memotong “Autoriti Monetari Brunei Darussalam” dan menggantikannya dengan “Bank Sentral Brunei Darussalam”;

(b) dalam takrifan “Menteri”, dengan memasukkan “dan Ekonomi” sejurus selepas “Kewangan”.

Pindaan bab 3

4. Bab 3 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraian (1), dengan memotong “Autoriti yang dikenali sebagai Autoriti Monetari Brunei Darussalam” dan menggantikannya dengan “Bank Sentral Brunei Darussalam”.

Pindaan bab 56

5. Bab 56 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam cerai (10), dengan memotong “Autoriti Monetari Brunei Darussalam” dari dua baris akhir dan menggantikannya dengan “Bank Sentral Brunei Darussalam”.

Peruntukan perkecualian dan peralihan

6. (1) Apa-apa hak, manfaat, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperoleh, terakru atau ditanggung, atau apa-apa perbuatan atau hal yang dilakukan atau dikehendaki untuk dilakukan, tidak akan terjejas oleh Perintah ini dan hendaklah terus sah dan dilaksanakan seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

(2) Perintah ini tidak akan menjejaskan apa-apa siasatan, penyiasatan atau prosiding yang dimulakan atau belum selesai sebelum mula berkuat kuasanya Perintah ini dan setiap siasatan, penyiasatan atau prosiding boleh diteruskan dan diuruskan seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

(3) Setakat mana yang perlu bagi memelihara kuat kuasa sebarang undang-undang bertulis atau dokumen, apa-apa sebutan dalam undang-undang bertulis atau dokumen kepada Autoriti Monetari Brunei Darussalam hendaklah, mulai dari mula berkuat kuasanya Perintah ini, ditafsirkan sebagai sebutan kepada Bank Sentral Brunei Darussalam.

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1442 bersamaan dengan 10 haribulan Julai, 2021 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**